

TEKS UCAPTAMA
Y. BHG. DATUK REKTOR

SEMPENA
KONVENSYEN MELAKA SEBAGAI PUSAT
KECEMERLANGAN
(PENDIDIKAN, LATIHAN & KEMAHIRAN,
PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN,
DOKUMENTASI & PENERBITAN DAN
KONSULTANSI)

RIVIERA BAY RESORT, MELAKA
7 OKTOBER 2002

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WBKTH. DAN SALAM
SEJAHTERA

Y. BERUSAHA SDR. PENERUSI MAJLIS

Y. B. DATUK LONG BIN SAID
EXCO PENDIDIKAN KERAJAAN
NEGERI MELAKA YANG MEWAKILI
Y.A.B. DATUK SERI HJ. MOHD ALI BIN MOHD
RUSTAM, KETUA MENTERI MELAKA

Y. BHG TAN SRI DATUK WIRA ABD. RAHMAN
ARSHAD
PENERUSI LEMBAGA PENGARAH UiTM

Y. BHG. DATUK MOHD RAFIE MAHAT
KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Y. BHG. PROF. ISMAIL HASSAN
TIMBALAN REKTOR AKADEMIK KUTKM

Y. BHG. PROF. DR. AZHARI SALEH
TIMBALAN REKTOR PEMBANGUNAN DAN
PERANCANGAN KORPORAT KUTKM

Y. BHG. PROF MADYA DR. SIDEK BABA

Y. BHG. DATUK-DATUK / DATIN-DATIN

KETUA-KETUA JABATAN NEGERI DAN
PERSEKUTUAN

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KUTKM

DAN SETERUSNYA HADIRIN-HADIRAT DAN PARA
PESERTA YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

1. TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA SAMA-SAMA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN KURNIA DAN IANAYAHNYA DAPAT KITA BERTEMU PADA HARI INI BAGI MEMBINCANGKAN SATU AGENDA PENTING DALAM MENCORAKKAN KECEMERLANGAN NEGERI MELAKA.

2. BAGI PIHAK KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA, SAYA INGIN MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN SEMUA HADIRIN DAN HADIRAT SERTA PARA

PESERTA SEMUA YANG MEWAKILI PELBAGAI JABATAN, AGENSI MAHUPUN ORANG PERSEORANGAN KE KONVENSYEN MELAKA SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKELIAN,

3. HASRAT NEGERI MELAKA UNTUK MENJADI SEBUAH PUSAT KECEMERLANGAN ADALAH MERUPAKAN SESUATU YANG WAJAR DIBERIKAN PUJIAN. SEPERTI YANG KITA SEMUA SEDIA MAKLUM, KECEMERLANGAN ADALAH MERUPAKAN SALAH SATU IDEALISME YANG INGIN DICAPAI OLEH SETIAP INDIVIDU, MASYARAKAT DAN NEGARA.

4. INI LEBIH KETARA DI ERA GLOBALISASI KETIKA INI YANG MENUNTUT KECEMERLANGAN BAGI MEMBOLEHKAN KITA BERSAING DENGAN NEGARA-NEGARA YANG LAIN. NAMUN PERSOALANNYA APAKAH NEGERI MELAKA MAMPU UNTUK MENCAPAI SATU TAHAP KECEMERLANGAN YANG MEMBOLEHKANNYA BERSAING DI ARENA ANTARABANGSA?

5. JAWAPANNYA SUDAH TENTU BOLEH. SEJARAH TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA NEGERI MELAKA DI ZAMAN KEAGUNGAN EMPAYAR KESULTANAN MELAYU MELAKA LEBIH 450 TAHUN DAHULU TELAH BERJAYA MENJADI SEBUAH PUSAT KECEMERLANGAN

YANG TERKENAL DI SELURUH PELUSUK DUNIA.

6. IA MENJADI TUMPUAN BUKAN HANYA SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN PERDAGANGAN MALAHAN SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN PENDIDIKAN DAN PENYEBARAN AGAMA. KITA DAPATI KETIKA ITU, MEREKA YANG DATANG BUKAN HANYA DARI SEKITAR KEPULAUAN NUSANTARA DAN RANTAU ASEAN SEMATA-MATA, TETAPI MENJANGKAU SEHINGGA KE INDIA, CHINA DAN EROPAH.
7. MELAKA ATAU LEBIH TERKENAL DENGAN MALAKAT KETIKA ITU, TELAH MENJADI SATU "CULTURAL BOILING POT" YANG MENGHIMPUNKAN PELBAGAI BANGSA,

BUDAYA, AGAMA DAN BAHASA DI MANA BAHASA MELAYU MENJADI LINGUA FRANCA ATAUPUN MEDIUM PERTUTURAN YANG MENGHUBUNGKAN KUMPULAN-KUMPULAN INI.

8. JUSTERU ITU, BUKANLAH SATU RETORIK SEMATA-MATA SEKIRANYA HARI INI NEGERI MELAKA BERCITA-CITA UNTUK KEMBALI GEMILANG DI PERSADA DUNIA. SEBALIKNYA IANYA ADALAH SATU CITA-CITA YANG BOLEH DIREALISASIKAN DENGAN AZAM YANG JITU DAN DISUSULI DENGAN PERANCANGAN YANG TELITI.
9. KONVENSYEN SELAMA DUA HARI INI YANG MENGHIMPUNKAN GOLONGAN CERDIK

PANDAI DAN PAKAR DALAM BIDANG-BIDANG ADALAH MERUPAKAN MANIFESTASI KEPADA KEAZAMAN UNTUK MELETAKKAN MELAKA KEMBALI SEBAGAI SEBUAH NEGERI YANG AKAN TERUS GEMILANG BUKAN SAHAJA DI PERINGKAT NEGARA TETAPI JUGA DI PERINGKAT INTERNASIONAL.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI SEKELIAN,

10. DALAM USAHA MENJADIKAN NEGERI MELAKA SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN DI DALAM BIDANG PENDIDIKAN, LATIHAN & KEMAHIRAN, PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN, DOKUMENTASI & PENERBITAN DAN KONSULTANSI, WAJARLAH

KITA TERLEBIH DAHULU MENELITI DAN MEMIKIRKAN ISU-ISU DAN CABARAN-CABARAN KONTEMPORARI YANG BAKAL MEMBERIKAN BAKAL IMPAK KEPADA SEGALA PERANCANGAN DAN PERENCANAAN YANG INGIN KITA JALANKAN.

11. ISU GLOBALISASI DAN LEDAKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT ADALAH FENOMENA YANG DATANG SECARA BERIRINGAN, MENDADAK DAN PANTAS. DI SATU PIHAK, IMPAK YANG DIBAWA OLEH GLOBALISASI AMAT BESAR DI MANA SEMPADAN FIZIKAL NEGARA MENJADI SEMAKIN KABUR. DUNIA MENJADI SATU PERKAMPUNGAN SEJAGAT ATAU "GLOBAL

VILLAGE" DI MANA NILAI DAN BUDAYA JUGA DISEJAGATKAN DENGAN BERKIBLATKAN NILAI-NILAI BARAT YANG LEBIH CENDERUNG KEPADA HEDONISME.

12. GLOBALISASI JUGA TURUT MERUBAH ODER BARU DAN LANSKAP POLITIK DUNIA. KINI SERANGAN KE ATAS SESEBUAH NEGARA TIDAK LAGI MEMERLUKAN SENJATA PEMUSNAH YANG CANGGIH DAN BESAR. SEBALIKNYA EKONOMI SESEBUAH NEGARA MENJADI SASARAN UTAMA DI MANA KRISIS KEWANGAN YANG BERLAKU PADA TAHUN 1997 MENJADI BUKTI NYATA.

13. YANG PALING MENYEDIHKAN ADALAH NEGARA KITA JUGA TIDAK TERKECUALI DARIPADA MENERIMA TEMPIAS KRISIS INI HINGGAKAN MENYEBABKAN PERTUMBUHAN PESAT EKONOMI YANG KITA BINA LENYAP SEKELIP MATA. NILAI MATAWANG KITA TURUT SUSUT TERUK SEHINGGA MEMAKSA YAB PERDANA MENTERI KITA MENETAPKAN NILAI RINGGIT DENGAN NILAI DOLAR BAGI MEMASTIKAN IANYA TIDAK JATUH DENGAN LEBIH TERUK.

14. TIDAK CUKUP SEKADAR ITU, GLOBALISASI TURUT MENUNTUT KITA UNTUK MEMBUKA EKONOMI NEGARA DAN BERSAING SECARA TERBUKA KONONNYA ATAS DASAR PERDAGANGAN BEBAS YANG

DIPERJUANGKAN OLEH WTO YANG MANA KITA TAHU IANYA DIADVOKASI DAN DIDALANGI OLEH AMERIKA SYARIKAT.

15. DAN LEBIH MALANG LAGI, PESAING-PESAING KITA BUKAN LAGI TERHAD KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU, TETAPI KINI KITA BERHADAPAN DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT MULTINASIONAL YANG KEKAYAANNYA MELIPUTI LEBIH 2/3 KDNK DUNIA. TIDAK CUKUP DENGAN ITU, KEPAKARAN DAN TEKNOLOGI YANG DIMILIKI JUGA ADALAH BEGITU TINGGI DAN SOFISTIKATED.

16. DALAM HAL INI, KITA TELAH DIMINTA UNTUK BERSAING DI ATAS SATU PLATFORM YANG TIDAK MENYEBELAHI KITA SEHINGGA

MENYEBABKAN YAB PERDANA MENTERI KITA PERNAH MENYATAKAN RASA KURANG SENANG BELIAU DI ATAS PERKARA INI. NAMUN BEGITU, PILIHAN YANG ADA PADA KITA ADALAH TERHAD. MAHU TIDAK MAHU KITA PERLU MEMIKUL CABARAN INI DAN MEMBUKTIKAN BAHAWA KITA ADALAH MERUPAKAN SEBUAH NEGARA YANG TIDAK PERNAH MENYERAH NASIB KEPADA KEADAAN.

17. DI SATU PIHAK YANG LAIN PULA, PERKEMBANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI YANG PESAT MEMERLUKAN KITA UNTUK SIAP SEDIA MENANGANI SEBARANG PERUBAHAN DENGAN LEBIH EFISYEN DAN EFEKTIF. INI KERANA

PERUBAHAN YANG BERLAKU ADALAH BEGITU PANTAS DAN SEKIRANYA KITA TIDAK BERSEDIA, KITA AKAN KETINGGALAN JAUH DI BELAKANG.

18. MAHU TIDAK MAHU KITA JUGA HARUS TERJUN KE DALAM GELOMBANG ICT INI DENGAN MELAKUKAN SEBERAPA BAIK PERSEDIAAN YANG MUNGKIN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI SEKELIAN,

19. MENGAMBIL KIRA SENARIO DAN CABARAN YANG SAYA SEBUTKAN SEBENTAR TADI, KITA SEBENARNYA TIDAK PERLU KHUATIR. KITA MASIH MEMPUNYAI KEKUATAN UNTUK MENEMPUHI SEGALA CABARAN ASALKAN

KITA SAMA-SAMA BERSATU DAN BERGANDING-BAHU UNTUK MENEMPUHINYA.

20. KEKUATAN KITA YANG UTAMA ADALAH KITA MEMPUNYAI SEBUAH NEGARA YANG AMAN DAN MAKMUR, STABIL DAN SELAMAT UNTUK DIDIAMI, RAKYATNYA MESRA TANPA MENGIRA KAUM DAN YANG LEBIH PENTING LAGI KITA DIPIMPIN OLEH BARISAN PEMIMPIN YANG BIJAKSANA DENGAN DIKETUA OLEH YAB PERDANA MENTERI YANG KITA KASIHI.

21. KESEMUA INI ADALAH MERUPAKAN RAMUAN YANG CUKUP BERKESAN DI DALAM MENJADIKAN MALAYSIA AMNYA DAN MELAKA KHASNYA SEBAGAI SEBUAH PUSAT

KECEMERLANGAN DI DUNIA AMNYA DAN RANTAU ASIA KHASNYA.

NEGARA MAJU DAN BERMAKLUMAT MENJELANG TAHUN 2020.

22. SEBAGAI RESPONS TERHADAP CABARAN YANG DILEMPARKAN OLEH GLOBALISASI DAN LEDAKAN ICT, KERAJAAN TELAH MERANGKA DASAR DAN MEMBUAT PERANCANGAN JANGKA PENDEK, SEDERHANA DAN PANJANG UNTUK MELETAKKAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA.

24. KESTABILAN POLITIK PULA TELAH MENYUMBANG KEPADA KEMAKMURAN EKONOMI. HASILNYA KITA MAMPU MEMBINA PUTRAJAYA DI ATAS RUNTUHAN PENJAJAHAN. TIDAK CUKUP ITU, KLCC, MENARA KUALA LUMPUR, KLIA, CYBERJAYA DAN MSC ADALAH LAMBANG KEPADA SEMANGAT MALAYSIA BOLEH.

23. RANCANGAN MALAYSIA (RMK), RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG (RRJP) DAN WAWASAN 2020 ADALAH MERUPAKAN DASAR DAN PELAN STRATEGIK NEGARA YANG DIRANGKA DAN DIFORMULASIKAN BAGI MEMBAWA MALAYSIA MENJADI SEBUAH

25. JUSTERU ITU, JIKA MALAYSIA BOLEH MAKA MELAKA JUGA BOLEH. YANG PALING PENTING ADALAH PERLUNYA KEPADA ANJAKAN PARADIGMA SUPAYA KITA MELIHAT DUNIA DI DALAM KONTEKS YANG LEBIH

GLOBAL. PERANCANGAN DAN STRATEGI PERLU DIJURUSKAN KEPADA HASRAT MENCAPAI KECEMERLANGAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA BUKAN DI PERINGKAT NASIONAL SEMATA-MATA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI SEKELIAN,

26. DALAM HAL INI, KERAJAAN NEGERI MELAKA PERLU MENJADIKAN DASAR-DASAR KERAJAAN SEBAGAI SATU PANDUAN DI DALAM MERANGKA DASAR-DASAR NEGERI SUPAYA KESINAMBUNGAN DASAR BERLAKU DAN SETERUSNYA BERJALAN DI PERINGKAT AKAR UMBI.

27. SEBAGAI CONTOH, DASAR MELAHIRKAN PEKERJA BERPENGETAHUAN (K-WORKERS) ADALAH PENTING DI DALAM HASRAT MENJAYAKAN EKONOMI BERTERASKAN PENGETAHUAN (K-EKONOMI). KITA MEMERLUKAN PEKERJA ATAU TENAGA YANG MAHIR KERANA BUDAYA ORGANISASI SEKARANG ADALAH BERTERASKAN KEPADA "LEARNING ORGANISATION". IANYA PERLU BAGI MENANGANI PERUBAHAN YANG BERLAKU DARI SEMASA KE SEMASA DENGAN KADAR YANG BEGITU PANTAS.

28. UNTUK CEMERLANG KITA JUGA MEMERLUKAN TENAGA KERJA YANG MAHIR DAN PAKAR. INI MEMBOLEHKAN KITA MEMPUNYAI "COMPETTITIVE EDGE" BERBANDING DENGAN

PESAING KITA BAIK DI RANTAU ASEAN MAHUPUN DI PERINGKAT DUNIA. INI ADALAH MERUPAKAN SALAH SATU "SELLING POINT" NEGERI MELAKA DALAM USAHA MELETAKKANNYA SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN.

29. JUSTERU ITU, JIKA DI LIHAT KEPADA STRATEGI KERAJAAN PUSAT MENJADIKAN PENDEMOKRASIAN PENIDIDIKAN SEBAGAI SATU USAHA UNTUK MELAHIRKAN LEBIH RAMAI TENAGA MAHIR, MAKA IANYA ADALAH MERUPAKAN SALAH SATU STRATEGI YANG CUKUP BAIK.

30. SEHINGGA KINI KITA MEMPUNYAI 17 BUAH IPTA, 12 IPTS, 3 KAMPUS CAWANGAN

UNIVERSITI LUAR DAN LEBIH 600 KOLEJ SWASTA DI SELURUH NEGARA. DAN DI MELAKA SAHAJA, KITA MEMPUNYAI SEBUAH IPTA (KUTKM), SEBUAH IPTA KAMPUS CAWANGAN (UiTM), SEBUAH IPTS (MMU) DAN 15 BUAH KOLEJ SWASTA DENGAN BILANGAN PELAJAR MELEBIHI 20 000 PELAJAR.

31. NAMUN BEGITU, BILANGAN YANG BANYAK BUKANLAH UKURAN TETAPI YANG LEBIH PENTING ADALAH KUALITI YANG MAMPU KITA TAWARKAN KEPADA ORANG YANG MENGINGINKAN PERKHIDMATAN KITA INI. KUALITI YANG DITUNTUT MELIPUTI KEPAKARAN TENAGA AKADEMIK YANG

TINGGI SERTA KEMUDAHAN BERTARAF DUNIA.

32. SEKIRANYA IPTA DAN IPTS MAMPU UNTUK MENGGEMBELINGKAN TENAGA DAN BERGERAK SECARA PAKEJ YANG MENARIK MAKA TIDAK MUSTAHIL MELAKA BOLEH DITONJOLKAN SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN PENDIDIKAN. DALAM HAL INI, KUTKM BOLEH MEMAINKAN TERAJU UTAMA DALAM MENGERAKKAN KEPAKARAN YANG ADA SECARA SINERGISTIK.

33. HAL INI SEBENARNYA TURUT MENJURUS KEPADA PERKONGSIAN PINTAR ANTARA PIHAK KERAJAAN NEGERI, IPT DAN JUGA INDUSTRI. DI PIHAK KERAJAAN NEGERI,

SOKONGAN DAN KOMITMEN YANG DIBERIKAN MELALUI PENGGUBALAN DASAR YANG SESUAI DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN YANG MENCUKUPI ADALAH SESUATU YANG DIPERLUKAN.

34. DITAMBAH PULA DENGAN KEPAKARAN YANG BOLEH DITAWARKAN OLEH IPT DAN INDUSTRI ADALAH PRA-SYARAT UNTUK MENJADIKAN NEGERI MELAKA SEBAGAI SEBUAH PUSAT KECEMERLANGAN KHUSUSNYA DI DALAM BIDANG LATIHAN, KEMAHIRAN, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN BUKANLAH SESUATU YANG MUSTAHIL.

35. DALAM BIDANG LATIHAN DAN KEMAHIRAN SEBAGAI CONTOH, KEWUJUDAN PUSAT-PUSAT DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEMAHIRAN SEBENARNYA TIDAK MEMADAI BAGI MENJAMIN TENAGA YANG BAKAL DIKELUARKAN MAHIR DAN MEMENUHI KEHENDAK INDUTSRI. JUSTERU ITU, ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB PIHAK INDUSTRI BAGI MEMAINKAN PERANAN PERLU TURUT MELATIH BAKAL-BAKAL TENAGA KERJA NEGARA INI DENGAN PERSEKITARAN DAN PERMASALAHAN SEBENAR INDUSTRI. INI SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MENINGKATKAN MUTU TENAGA KERJA YANG DILAHIRKAN DAN SETERUSNYA UNTUK DIPASARKAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI SEKELIAN,

36. SEPERTI YANG KITA SEDIA MAKLUM, BIDANG PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN ATAU R & D MASIH LAGI MERUPAKAN BIDANG YANG KURANG DIBERIKAN TUMPUAN DI MALAYSIA. HANYA 0.3 % DARIPADA KDNK YANG DIBELANJAKAN OLEH PIHAK INDUSTRI DI DALAM R & D DAN INI ADALAH SANGAT KECIL. JADI BAGAIMANA KITA MAHU MENGHASILKAN PRODUK YANG BERTARAF DUNIA DAN BERMUTU TINGGI UNTUK DIPASARKAN?

37. KITA SEDAR BAHAWA KOS YANG PERLU DIPERUNTUKKAN UNTUK R & D AMAT TINGGI DAN TIDAK BANYAK PIHAK YANG MAMPU UNTUK MELAKUKANNYA. NAMUN BEGITU, SEKIRANYA KONSEP PERKONGSIAN PINTAR DILAKSANAKAN, TANGGUNGJAWAB INI BOLEH DISERAHKAN KEPADA UNIVERSITI UNTUK MELAKSANAKANNYA.

38. DALAM HAL INI, KUKTM SEBAGAI CONTOH MEMPUNYAI KEPAKARAN YANG MENCUKUPI BAGI MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI PUSAT PENYELIDIKAN DALAM MENGHASILKAN TEMUAN-TEMUAN TERKINI DAN BERTEKNOLOGI TINGGI. IA KEMUDIANNYA BOLEH DIKOMERSILKAN OLEH INDUSTRI

DENGAN MENGHASILKANNYA SEBAGAI PRODUK-PRODUK KEGUNAAN ORANG RAMAI.

39. SELAIN DARIPADA ITU, KITA MESTI MEMPUNYAI FOKUS YANG KHUSUS DI DALAM MENJADIKAN MELAKA SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN. BIDANG R & D MISALNYA HARUS DITUMPUKAN KEPADA PENGKHUSUSAN TERTENTU SAHAJA SUPAYA SEGALA SUMBER DAN TENAGA DAPAT DIOPTIMUMKAN. IANYA MAMPU MEMBERIKAN NEGERI MELAKA SATU "NICHE AREA" YANG BOLEH DITAWARKAN KEPADA DUNIA.

40. ANTARA PENGKHUSUSAN YANG BOLEH DIBERIKAN PEMFOKUSAN YANG UTAMA

ADALAH BIDANG KEJURUTERAAN MEKANIKAL DI MANA KILANG DRB-HONDA DI ALOR GAJAH DIJANGKA DAPAT MENERIMA FAEDAH YANG BESAR SEKIRANYA IANYA DAPAT DILAKSANAKAN. DI SAMPING ITU JUGA, BIDANG KEJUTERAAN PEMBUATAN DAN ICT JUGA BOLEH DIBERIKAN PERHATIAN BAGI MEMANFAATKAN PIHAK INDUSTRI DAN KERAJAAN NEGERI.

41. SEGALA PENEMUAN HASIL PENYELIDIKAN YANG DIJALANKAN KEMUDIANNYA BOLEH DITERBITKAN DAN DIDOKUMENTASIKAN SEBAGAI RUJUKAN DAN TATAPAN MASYARAKAT KESELURUHANNYA.

42. DI SAMPING ITU JUGA, BIDANG DOKUMENTASI JUGA BOLEH DIFOKUSKAN KEPADA KEKUATAN NEGERI MELAKA ITU SENDIRI. SEBAGAI SEBUAH NEGERI YANG KAYA DENGAN SEJARAHNYA, ADALAH MOLEK SEKIRANYA SEGALA CATATAN SEJARAH INI DAPAT DIDOKUMENTASIKAN DAN DIHIMPUNKAN. IANYA SEKALIGUS MAMPU MENJADIKAN MELAKA SEBAGAI PUSAT RUJUKAN SEJARAH KHUSUSNYA SEJARAH MELAYU DAN NEGARA.

43. AKHIR SEKALI, DALAM USAHA MENJADIKAN MELAKA SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN, SEHARUSNYA JARINGAN KERJASAMA ATAU "NETWORKING" YANG LUAS DIPERLUKAN. KITA TIDAK MAMPU UNTUK BERGERAK

SECARA SENDIRIAN KERANA KEKUATAN KITA MASIH BELUM MENCUKUPI.

BOLEH MENYEBABKAN KITA BERADA DI BAWAH TELUNJUK MEREKA.

44. APA YANG DILAKUKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI KETIKA MELAKSANAKAN DASAR PANDANG KE TIMUR PADA AWAL TAHUN 80 AN DAHULU ADALAH SATU CONOTH TERBAIK YANG BOLEH KITA SAMA-SAMA FIKIRKAN. DAN YANG TERBARU MoU YANG DITANDATANGANI DENGAN NEGARA JERMAN MELEBARKAN LAGI JARINGAN KERJASAMA KITA DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

46. SEBALIKNYA KITA BOLEH MELIHAT KEPADA "NETWORKING" DENGAN NEGARA-NEGARA SEPERTI PERANCIS, SWITZERLAND, BELGIUM DAN BANYAK LAGI BAGI MEMASTIKAN KITA MENDAPAT KERJASAMA DAN KEPAKARAN YANG TERBAIK UNTUK MENJADIKAN MELAKA SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKELIAN,

45. KITA TIDAK MAMPU LAGI BERGANTUNG KEPADA KUASA TRADISIONAL SEPERTI AMERIKA SYARIKAT DAN BRITAIN KERANA KEBERGANTUNGAN YANG KETERLALUAN

47. SEPERTI YANG SAYA TEGASKAN DI AWAL UCAPAN SAYA TADI, MELAKA SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN ADALAH SATU SASARAN YANG MAMPU DICAPAI. DENGAN

MENGAMBIL KIRA SENARIO SEMASA DAN PERUBAHAN YANG BERLAKU, SEGALA PERANCANGAN DAN STRATEGI YANG DIBUAT MESTILAH DIBINCANG, DIKUPAS, DIPERHALUSI DAN SETERUSNYA DISUSUN MENJADIKAN SATU PELAN TINDAKAN ATAU "BLUE PRINT" YANG AMPUH DAN KUKUH.

48. KONVENSYEN DUA HARI INI SAYA LIHAT MAMPU MENCETUSKAN IDEA DAN GAGASAN YANG BERNAS KE ARAH MELAKA TERUS GEMILANG. MALAYSIA BOLEH MAKA MELAKA JUGA BOLEH.

SEKIAN, WABILLAH TAUFIK WAL HIDAYAH
WASSALAMUALAIKUM WBKTH.